KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	27.07.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			

HM270722_16

Beliau berkata, subseksyen itu perlu dilanjutkan bagi menangani ancaman terhadap kedaulatan negara

promi dengan anasir yang mengancam kes negara dan tugas raja Malaysia (PDRM)

penyiasatan.

untuk urusan lanjut

Hamzah

Bernama

Kuala Lumpur

DEWAN RAKYAT

Jamin Gunung Inas tak diusik

Cadangan tukar status hutan sebagai kawasan tadahan air

"Kerajaan Kedah dicadang menjadikan Gunung Inas, Baling sebagai hutan perlindungan yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air," kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Katanya, cadangan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) itu dibuat supaya kawasan itu tidak boleh 'diusik' serta dapat memberi jaminan keselamatan kepada rakyat di kawasan itu khususnya.

"Hasil siasatan JPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah mendapati ada penanaman durian hibrid atau durian musang king di situ. Saya nak nyatakan, musang king bukan spesies dikenal pasti untuk ditanam sebagai ladang hutan.

"Terdapat 11 spesies (antaranya) akasia, batai, getah klon, balak, jati dan tidak termasuk durian hibrid sebagai spesies ladang hutan tetapi ia dilaksanakan di Kedah di bawah kerajaan Kedah seawal 2017 dan pada 2019 kerajaan pada masa itu meluluskan penanaman Musang King sebanyak 20 peratus daripada keluasan dibenarkan dan masih dibenarkan," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam bagi menjawab soalan **Datuk Seri Abdul Azez Abdul Rahim (BN-Baling)** yang ingin tahu kaedah penyelesaian dirancang kementerian bagi memastikan keselamatan rakyat dijamin khususnya penduduk sekitar Gunung Inas, Baling, berikutan insiden.

Takiyuddin berkata, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah melihat perkara itu sebagai pelanggaran kepada syarat kerana 5,000 pokok durian hibrid yang bukan spesies ladang hutan ditanam di keluasan 52 hektar di atas Gunung Inas.

Katanya, isu membabitkan penanaman 5,000 pokok berkenaan tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan terpulang sama ada ia dihapuskan atau sebaliknya.

JPSM mencadangkan kerajaan negeri mengambil langkah melakukan penanaman semula atas tanah diluluskan untuk ladang hutan seluas 5,000 hektar di gunung itu.

"Sama ada nak ditebang atau dikekalkan yang ditanam sehingga habis tempohnya dan ditambah dengan kawasan belum ditanam, itu bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan hanya boleh memberi nasihat termasuk pandangan teknikal serta bukan penguatkuasaan dalam kawasan itu," katanya.



Sementara itu, Takiyuddin berkata, sia[illegible] kementerian itu[illegible] batan Mineral [illegible] mendapati ka[illegible] kitaran Gunun[illegible] tidak stabil dan te[illegible] pada ancaman tanah runtuh serta jatuhan batuan berikutan kehadiran bongkah batuan longgar dan tergantung di lereng gunung.

Di samping itu, beliau berkata, perubahan arus deras secara mendadak apabila berlaku hujan di kawasan hulu dan kehadiran taburan puing batuan di laluan sungai boleh mendatangkan risiko serta membahayakan keselamatan awam.

Sehubungan itu sebagai langkah awal memastikan keselamatan, Takiyuddin berkata, surat pemakluman rasmi perihal Langkah Kewaspadaan Awam Di Kawasan Tadahan Gunung Inas, Baling, Kedah dihantar pada 22 Julai lalu kepada kerajaan Kedah.